

**TAFSIR PIMPINAN AR-RAHMAN : TINJAUAN TERHADAP  
KESEPADANAN TERJEMAHAN KATA GANTI NAMA DIRI  
ARAB-MELAYU**

Nasimah Abdullah

**ABSTRAK**

*Tafsir Pimpinan Ar-Rahman terjemahan Abdullah Basmeih merupakan satu terjemahan makna al-Quran ke Bahasa Melayu yang sangat popular. Cetakan pertama dalam tulisan Rumi adalah pada tahun 1980 serta telah diulang cetak beberapa kali dan yang terakhir adalah pada tahun 2010. Terjemahan tersebut mendapat sambutan yang menggalakkan daripada masyarakat Melayu khususnya di Malaysia disebabkan oleh cara terjemahan makna yang menggunakan bahasa yang ringkas dan mudah difahami oleh setiap pembaca. Penulisan ini bertujuan mengkaji kesepadanan terjemahan kata ganti nama diri daripada Bahasa Arab ke Bahasa Melayu dengan memilih beberapa ayat al-Quran sebagai sampel kajian. Dalam bidang linguistik teks, kata ganti nama adalah salah satu elemen yang membentuk ketenunan atau kohesi dalam teks. Penggunaan kata ganti nama yang salah atau tidak jelas akan menjejaskan keutuhan teks secara keseluruhannya. Berdasarkan beberapa contoh ayat yang diteliti, kajian ini mendapati bahawa terdapat ketidaksepadanan dalam menterjemah kata ganti nama diri Bahasa Arab ke bahasa Melayu. Oleh itu, dalam usaha memastikan wujudnya ketenunan teks terjemahan, disarankan agar ada semakan terhadap cetakan-cetakan terkini terjemahan al-Quran demi penambahbaikan terhadap hasil terjemahan tersebut.*

**Kata kunci:** *Kata Ganti Nama Diri; Terjemahan Al-Quran; Abdullah Basmeih; Ketenunan Teks Terjemahan*

**ABSTRACT**

*Tafsir Pimpinan Ar-Rahman translated by Abdullah Basmeih is a very well-known translation of meanings of the Qur'an into Malay Language. First edition in Rumi script was published in 1980 and has been reprinted several times and most recently was in 2010. It received an encouraging and positive response in Malay community, especially in Malaysia because the translator used a very simple language and easily understood by readers. The objective of this research is to study the equivalence of translation of pronouns from Arabic to Malay Language by selecting some Quranic verses as the sample. In text linguistics, pronoun is one of the elements that will create the cohesion of the text. The use of pronouns in a wrong way will affect the integrity of a text as whole. Based on a number of examples studied, the study found that there is a mismatch in translating Arabic pronouns to Malay. Therefore, in order to ensure the cohesion of the text as whole, it is suggested that there is a review done to the latest translation of the Qur'an to improve the result of the translation.*

**Keywords:** *Pronoun; Translation; Abdullah Basmeih, Cohesion*

**PENDAHULUAN**

Bagi masyarakat Melayu Islam yang tidak ada latar belakang pengetahuan dalam Bahasa Arab, membaca dan merujuk kepada terjemahan makna al-Quran dalam Bahasa melayu merupakan salah satu usaha untuk memahami isi kandungan dan mesej yang terdapat dalam al-Quran. Apa sahaja yang dipaparkan dalam teks terjemahan yang mereka baca akan memberi kesan kepada tahap pemahaman mereka pada mesej al-Quran. Tahap pemahaman pembaca teks terjemahan secara signifikannya akan dipengaruhi oleh unsur linguistik yang terkandung dalam teks sasaran yang menjadi rujukan mereka. Oleh itu teks terjemahan makna al-Quran mestilah betul dari segi linguistiknya agar makna dapat disampaikan kepada pembaca dengan tepat.

Dalam bidang pengajian linguistik teks, Robert de Beaugrande dan Wolfgang Dressler (1981: 3-12) telah menggariskan tujuh (7) piawaian atau unsur yang boleh menentukan tahap ketekstualan wacana iaitu kohesi (ketenunan teks), koheren, tujuan teks, penerimaan pembaca sasaran, maklumat (*informativity*), kontekstualiti dan intertekstualiti. Robert de Beaugrande juga (2007: 576) menyatakan bahawa semua unsur tersebut sangat relevan dengan bidang ilmu terjemahan.

Halliday dan Hasan (1983: 5-6) membahagikan kohesi kepada kohesi nahu dan kohesi leksikal, seterusnya kohesi nahu dibahagikan kepada rujukan, elipsis, substitusi dan konjungsi. Semua jenis kohesi nahu tersebut mempunyai alat-alat kohesi yang berfungsi menghubungkan satu unsur wacana dengan unsur yang lain mengikut tatacara yang ditetapkan dalam lingkungan jenis kohesi masing-masing. Mohd Azidan (2011: 61) menyatakan bahawa *dhamir* merupakan salah satu alat kohesi rujukan dalam wacana Arab. Secara relevannya, kata ganti nama diri juga adalah merupakan salah satu alat kohesi rujukan dalam wacana Melayu.

Kata Ganti Nama ialah perkataan yang menjadi pengganti kata nama khas dan kata nama am (Tatabahasa Dewan: 103) dan digunakan bagi mengelakkan berlakunya pengulangan dan kekerapan yang terlalu banyak bagi perkataan yang sama dalam sesuatu ayat. (Muhammad Bukhari Lubis, 1998: 40). Kata ganti nama dalam bidang linguistik teks adalah salah satu elemen yang membentuk ketenunan atau kohesi dalam teks. Dalam penterjemahan, seseorang itu bukannya menterjemah satu siri ayat yang terpisah daripada konteks tetapi apa yang ditanganinya ialah sebuah teks. Teks ialah satu siri ayat yang saling sambung menyambung dan tidak mungkin boleh dipisahkan secara terpisah daripada konteks keseluruhan wacana.

Dengan kata lain, kohesi ialah keserasian hubungan antara satu unsur linguistik dengan unsur linguistik yang lain dalam sesebuah wacana untuk menghasilkan wacana yang mantap. Keserasian hubungan ini lazimnya dilihat melalui hubungan antara sesuatu perkataan, frasa atau ayat dengan perkataan, frasa atau ayat lain yang terdapat dalam wacana tersebut. Contohnya seperti dua ayat berikut:

- 1- Nuraini, Naqibah dan Sofia ke perpustakaan.
- 2- Mereka ke sana untuk membuat rujukan dan membaca.

Dalam contoh di atas, terdapat tautan antara kedua-dua ayat tersebut. Perkataan “mereka” dalam ayat kedua merujuk kepada Nuraini, Naqibah dan Sofia, sementara perkataan “sana” merujuk kepada “perpustakaan”. Oleh itu, kedua-dua ayat yang mempunyai tautan ini dianggap sebagai wacana. Tambahan pula, kedua-dua ayat ini bermakna dan difahami.

Oleh itu, penggunaan kata ganti nama yang salah atau tidak jelas akan menjejaskan keutuhan sesuatu laras sebagai sebuah teks secara keseluruhan. Dalam amali penterjemahan, penterjemah perlu peka dengan faktor keseragaman atau padanan antara kata ganti nama teks sumber dan kata ganti nama teks sasaran kerana ia mempunyai implikasi nahuan dan makna yang begitu signifikan terhadap pembaca sasaran.

### **Objektif dan Metode Kajian**

Kajian ini merupakan kajian kualitatif dan analisis teks yang dilakukan terhadap *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman* Kepada Pengertian Al-Qur'an yang diterjemah oleh Abdullah Basmeih. Kajian ini tertumpu pada terjemahan kata ganti nama diri Arab ke bahasa Melayu. Kajian ini pada asasnya adalah bersifat linguistik bandingan antara struktur sintaksis Arab dan Melayu. Untuk tujuan tersebut, penulis membandingkan antara kata ganti nama diri Bahasa Arab (ضمير) dengan kata ganti nama diri Bahasa Melayu untuk meneliti kesepadanan terjemahan yang digunakan. Penulis memilih beberapa contoh ayat al-Quran secara rawak sebagai contoh kesepadanan dan ketidaksepadanan dalam menterjemah kata ganti nama diri Bahasa Arab ke bahasa Melayu.

### **Sorotan *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman* Oleh Abdullah Basmeih**

*Tafsir Pimpinan Ar-Rahman* Kepada Pengertian al-Qur'an adalah satu terjemahan makna al-Quran yang sangat masyhur di kalangan masyarakat Melayu. Terjemahan ini telah diusahakan oleh Sheikh Abdullah Basmeih. Beliau telah menterjemahkan 30 juzuk al-Quran ke Bahasa Melayu. Kemudian hasil terjemahan beliau telah disemak oleh Tuan Haji Muhammad Noor bin Haji Ibrahim bekas Mufti Kerajaan Negeri Kelantan. Pada awalnya beliau telah menerbitkan jilid pertama

dalam tulisan Jawi yang mengandungi 10 juzuk al-Qur'an sahaja pada tahun 1968. Kemudian menyusul pula jilid kedua pada tahun 1970 dan jilid ketiga pada tahun 1972 dalam tulisan Jawi.

Cetakan pertama dalam tulisan Rumi adalah pada tahun 1980 di bawah kawalan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Terjemahan ini mendapat sambutan yang menggalakkan di kalangan masyarakat Melayu. Ini terbukti kerana terjemahan beliau diulang cetak beberapa kali iaitu pada tahun 1982, 1985, 1987, 1988, 1992, 1995, 1998, 1999, 2000, 2001 dan cetakan terakhir adalah pada tahun 2010.

Sambutan menggalakkan daripada masyarakat Melayu khususnya di Malaysia terhadap terjemahan ini juga mungkin disebabkan oleh cara terjemahan makna yang menggunakan bahasa yang ringkas dan mudah difahami oleh setiap pembaca, di samping dibuat penjelasan pada nota kaki bagi menjelaskan mana-mana ayat yang perlu diberi penjelasan (Ismail Yusoff, 1995: 25). Sumbangan *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman* Kepada Pengertian al-Qur'an terhadap terjemahan makna al-Quran ke Bahasa Melayu adalah amat besar kerana terjemahan tersebut dijadikan bahan kajian oleh para penyelidik terutamanya berkaitan pendekatan atau kaedah terjemahan.

### **Definisi Konsep**

Penulisan ini akan membincangkan kata ganti nama diri Melayu, kata ganti nama diri Arab dan kaedah terjemahan yang sepadan antara dua bahasa tersebut.

#### **a) Kata Ganti Nama Diri Melayu**

Kata ganti nama menurut Asmah Omar adalah kata yang berdiri di tempat kata nama dan ia boleh berfungsi pada subjek dan objek ayat. Kata Ganti Nama dalam bahasa Melayu boleh dibahagi kepada tiga (3) bahagian iaitu kata ganti nama tunjuk, kata ganti nama tanya dan kata ganti nama diri (Asmah Omar, 2014: 86). Kata Ganti Nama Diri ialah kata nama yang menjadi pengganti sesuatu benda, perkara atau manusia. Nik Safiah Karim dan rakan-rakan (Tatabahasa Dewan, 2006: 88) pula membahagikan Kata Ganti Nama Diri kepada dua (2) kumpulan, iaitu kata ganti nama diri tanya dan kata ganti nama diri orang.

Kata Ganti Nama Diri Orang terbahagi kepada tiga (3) jenis iaitu 1) kata ganti nama diri orang pertama, 2) kata ganti nama diri orang kedua, dan 3) kata ganti nama diri orang ketiga (Tatabahasa Dewan: 103).

Kata Ganti Nama Diri pertama digunakan untuk menggantikan nama diri orang yang bercakap, dan ia terbahagi kepada dua (2) bentuk iaitu bentuk tunggal seperti aku, saya, beta, patik, daku, hamba, dan bentuk jamak seperti kami dan kita. Kata Ganti Nama Diri kedua digunakan untuk menggantikan nama diri orang yang diajak bercakap, dan ia terbahagi kepada dua (2) bentuk iaitu bentuk tunggal seperti awak, kamu, engkau, dikau, tuanku, anda dan bentuk jamak seperti anda dan kalian. Istilah “anda” adalah satu-satunya Kata Ganti Nama Diri yang boleh digunakan untuk merujuk kepada tunggal atau jamak.

Kata Ganti Nama Diri Ketiga digunakan untuk menggantikan nama diri orang yang diperkatakan dan orang tersebut tiada pada masa percakapan berlangsung, dan ia terbahagi kepada dua (2) bentuk iaitu bentuk tunggal seperti dia, ia, nya, baginda, beliau, dan bentuk jamak iaitu mereka.

Kesemua jenis kata ganti nama diri tersebut digunakan mengikut konteks yang berbeza pada peraturan sociolinguistik masyarakat Melayu. Awang Sariyan (2007: 4) mendefinisikan peraturan sociolinguistik kepada “penggunaan bahasa yang menitikberatkan hubungan sosial antara pembicara dengan pendengar (dalam konteks komunikasi lisan) dan antara penulis dengan pembaca (dalam konteks komunikasi tulisan)”. Pemilihan kata perlulah sesuai dengan konteks hubungan kedua-dua pihak yang berinteraksi untuk memastikan wujudnya unsur kesantunan bahasa.

Dari segi sociolinguistik Melayu, kata ganti nama diri tersebut ada yang dikhususkan kepada penggunaan diraja atau di istana seperti beta, patik, baginda dan tuanku, dan ada pula penggunaan bahasa biasa seperti saya, aku, dia, kamu (Asmah Omar, 2014: 87). Penggunaan kata ganti nama dalam Bahasa Melayu adalah berbeza mengikut taraf sosial para pengguna bahasa yang terlibat dalam peristiwa bahasa, hubungan antara manusia, keadaan persekitaran peristiwa bahasa dan tajuk yang diperkatakan (Asmah Omar: 89). Kata ganti nama ada yang berbentuk halus dan ada yang berbentuk kasar (Nik Safiah Karim, 1981: 103).

Oleh itu, penterjemah perlu menyedari jarak sosial dalam proses penterjemahan.

**b) Kata Ganti Nama Diri Arab**

Dalam tatabahasa Arab, kata ganti nama diri disebut sebagai *dhamir* (ضمير) dan ia terbahagi kepada tiga (3) jenis iaitu *munfashil* (منفصل), *muttashil* (متصل) dan *mustatir* (مستتر). Kata ganti nama diri (مستتر) hanya digunakan pada kata kerja iaitu *fi'il* (فعل), dan kata ganti nama diri (متصل) digunakan pada kata nama, kata kerja dan partikel atau *huruf*, manakala kata ganti nama diri (منفصل) digunakan pada kata nama. *Dhamir* (منفصل) dan *dhamir* (متصل) kedua-duanya terbahagi kepada tiga jenis, iaitu *mutakallim* (متكلم), *mukhatab* (مخاطب) dan *gha'ib* (غائب) (Majdi Wahbah & Kamil al-Muhandis, 1984: 230-231).

*Dhamir Mutakallim* (ضمير متكلم) bermaksud kata ganti nama diri yang digunakan untuk menggantikan nama diri orang yang bercakap, *dhamir mukhatab* (ضمير مخاطب) pula bermaksud kata ganti nama diri yang digunakan untuk menggantikan nama diri orang yang diajak bercakap dan *dhamir gha'ib* (ضمير غائب) bermaksud kata ganti nama diri yang digunakan untuk menggantikan nama diri orang yang diperkatakan dan orang tersebut tiada pada masa percakapan berlangsung.

*Dhamir munfashil* (ضمير منفصل) bermaksud ia tidak boleh bersambung dengan perkataan lain, atau ia mesti ditulis secara berasingan daripada perkataan lain samada sebelum atau selepasnya atau dengan erti kata lain ia boleh ditulis di awal perkataan lain (Ghalayini, 1987: 119). Antara contohnya dapat dilihat pada Jadual 1.

Jadual 1. Contoh *dhamir munfashil*

<i>Dhamir munfashil</i>	Jenis	Bentuk	Penggunaan dari segi jantina
هو	غائب	Tunggal (مفرد)	Lelaki
هما		Dua (مثنى)	Lelaki/perempuan
هم		Jama'	Lelaki
هي		Tunggal (مفرد)	Perempuan/benda/perkara abstrak
هن		Jama'	Perempuan

أنت		Tunggal (مفرد)	Lelaki
أنتما		Dua (مثنى)	Lelaki/perempuan
أنتم	مخاطب	Jama'	Lelaki
أنتِ		Tunggal (مفرد)	Perempuan
أنتنّ		Jama'	Perempuan
أنا	متكلم	Tunggal (مفرد)	Lelaki/perempuan
نحن		Dua (مثنى)/Jama'	Lelaki/perempuan

*Dhamir muttashil* (ضمير متصل) pula bermaksud ia perlu bersambung dengan perkataan lain dan terletak di akhir perkataan lain (al-Rajih, 1988: 37), atau dalam erti kata lain ia tidak boleh ditulis di awal perkataan lain (Ghalayini, 1987: 116) dan tidak boleh ditulis secara berasingan daripada perkataan lain. Antara contohnya dapat dilihat pada Jadual 2.

Jadual 2. Contoh *dhamir muttashil*

Dhamir muttashil	Jenis	Bentuk	Penggunaan dari segi jantina
ألف الاثنين		Dua (مثنى)	Lelaki/perempuan
واو الجماعة		Jama'	Lelaki
هاء الغائب	غائب	Tunggal (مفرد)	Lelaki
هاء الغائبة		Tunggal (مفرد)	Perempuan
نون النسوة		Jama'	Perempuan
ياء المؤنثة المخاطبة		Tunggal (مفرد)	Perempuan
التاء المتحركة	مخاطب	Tunggal (مفرد)	Lelaki/perempuan
كاف الخطاب		Tunggal (مفرد)	Lelaki/perempuan
ياء المتكلم		Tunggal (مفرد)	Lelaki/perempuan
تاء الفاعل	متكلم	Tunggal (مفرد)	Lelaki/perempuan
نا الدالة على الفاعلين		Jama'	Lelaki/perempuan

### c) Kaedah Menterjemah Kata Ganti Nama Diri Arab ke Melayu

Dalam konteks terjemahan Arab-Melayu, penterjemah perlulah menguasai konsep ganti nama dalam kedua-dua bahasa ini (Muhammad Bukhari Lubis, Mohd Fauzi Jumingan dan Khairunnawa Mohamed: 1998: 43). Daripada perbandingan antara kata ganti nama diri Melayu

dan Arab, kita boleh merumuskan bahawa semua kata ganti nama diri orang dalam Bahasa Melayu merujuk kepada manusia sahaja (Tatabahasa Dewan: 89), kecuali “ia” yang boleh merujuk kepada benda yang dibicarakan dan berfungsi sebagai subjek dalam ayat atau frasa (Kamus Dewan Edisi Keempat: 2007: 556), manakala kata ganti nama diri dalam Bahasa Arab iaitu (ضمير) merujuk kepada manusia, haiwan, benda dan perkara abstrak (Mohd. Hilmi Abdullah: 2008: 84).

Kata ganti nama diri dalam Bahasa Melayu hanya merujuk kepada bentuk tunggal dan jama’, tetapi kata ganti nama diri dalam Bahasa Arab merujuk kepada bentuk tunggal (مفرد), dua (مثنى) dan jama’ (جمع). Oleh itu penterjemah perlu menguasai penggunaan kata ganti nama dalam bentuknya yang berbeza. Selain itu, kata ganti nama diri dalam Bahasa Melayu tidak membezakan jantina lelaki dan perempuan, tetapi kata ganti nama diri Bahasa Arab membezakan antara jantina tersebut. Ini adalah kerana Bahasa Arab adalah bahasa infleksi selain daripada menitikberatkan gender dan kala, manakala Bahasa Melayu pula adalah bahasa aglutinatif yang tidak menitikberatkan gender dan kala.

Dalam menterjemahkan kata ganti nama diri Arab ke Melayu, penterjemah perlu peka dengan persamaan dan perbezaan sifat, bentuk dan penggunaan kedua-duanya. Dalam erti kata lain, penterjemah perlu mendalami ilmu linguistik bandingan untuk membuat padanan yang sepatutnya antara bahasa sumber dan bahasa sasar, selain mengambilkira juga sudut sosiolinguistik Bahasa Melayu dan konteks wacana agar penggunaan kata ganti nama diri tersebut sesuai dengan budaya orang Melayu.

Masalah tidak timbul dalam amali terjemahan jika wujud unsur-unsur persamaan linguistik antara Bahasa Melayu dan Bahasa Arab kerana penterjemah hanya perlu menggantikan unsur sintaksis Arab dengan yang sepadan dengan unsur sintaksis Melayu. Antara contohnya dapat dilihat pada Jadual 3.

Jadual 3. Contoh unsur sintaksis Arab yang sepadan dengan unsur sintaksis Melayu

Bahasa Arab	Bahasa Melayu
هو / هي	Dia
هم / هن	Mereka

أنت / أنتِ / كُ / كِ	Awak, Kamu, Anda, Engkau
أنا / ي	Saya, patik, beta, aku
نحن / نا	Kita, kami
هما	Mereka berdua, kedua-dua mereka
أنتما / كما	Kamu berdua, Anda berdua, awak berdua
أنتم / أنتمن / كن	Kamu semua, awak semua, anda semua
ه / ها	nya

Tetapi, jika sekiranya kedapatan perbezaan antara sifat struktur sintaksis Melayu dan Arab, maka penterjemah perlu membuat pengubahsuaian semasa menterjemah dhamir (ضمير) dalam Bahasa Arab ke Bahasa Melayu.

Berkaitan *dhamir* (ضمير) yang tidak merujuk kepada manusia, Mohd Hilmi Abdullah (2008: 84) mencadangkan penterjemah membuat pengubahsuaian semasa menterjemah *dhamir* tersebut dengan cara menggantikannya dengan penanda wacana yang bersesuaian seperti penanda penggantian dan penanda leksikal. Contohnya seperti berikut (Mohd Hilmi Abdullah, 2008: 85):

1- الدراسة في داخل البلاد خيرٌ منها في خارج البلاد.

Ayat di atas mengandungi *dhamir haa* pada (منها) yang merujuk kepada perkara abstrak. *Dhamir* tersebut boleh diterjemahkan dengan cara menggunakan penanda leksikal seperti berikut: “Belajar di dalam negara lebih baik daripada belajar di luar negara”. Penanda leksikal iaitu (belajar) digunakan untuk menggantikan penggunaan kata ganti nama.

2- أخذت الكتب والأقلام والمسطرة فأدخلتها في الحقيبة.

Ayat di atas mengandungi *dhamir haa* pada (فأدخلتها) yang merujuk kepada benda. *Dhamir* tersebut boleh diterjemahkan dengan cara menggunakan penanda penggantian seperti berikut: “Saya mengambil buku, pen dan pembaris, lalu memasukkan barang-barang tersebut ke dalam beg”. Penanda penggantian iaitu (barang-barang tersebut) digunakan untuk menggantikan penggunaan kata ganti nama.

## Analisis Dan Perbincangan

Penulis membahagikan perbincangan ini kepada dua (2) bahagian; bahagian satu (1) menunjukkan data terjemahan dari *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman* yang ada kesepadanan antara Kata Ganti Nama Arab dan Melayu, manakala bahagian kedua (2) menunjukkan data terjemahan yang tiada kesepadanan antara Kata Ganti Nama Arab dan Melayu.

### Bahagian 1:

Dalam bahagian satu (1) penulis hanya mengemukakan beberapa contoh ayat dari *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman* yang menunjukkan wujudnya kesepadanan dalam terjemahan kata ganti nama diri Arab ke Melayu.

#### Contoh 1:

<i>Tafsir Pimpinan Ar-Rahman</i> : 2001: 625-626	Surah al-Hijr, Ayat 88
...dan janganlah engkau merasa dukacita terhadap <b>mereka</b>	{...ولا تحزن عليهم}

#### Contoh 2:

<i>Tafsir Pimpinan Ar-Rahman</i> : 2001: 542	Surah Yusuf, Ayat 4
aku melihat <b>mereka</b> tunduk memberi hormat kepadaku	{...رَأَيْتَهُمْ لِي سَاجِدِينَ}

Dalam dua (2) ayat al-Quran contoh 1 dan contoh 2 di atas terdapat perkataan yang bersambung dengan kata ganti nama diri iaitu (عليهم) dan (رَأَيْتَهُمْ). (هم) adalah *dhamir gha'ib* (ضمير غائب) yang merujuk kepada bentuk jamak. Abdullah Basmeih telah menterjemahkan kata ganti nama diri jamak tersebut dengan (mereka). Kaedah terjemahan ini adalah sepadan kerana (هم) dan (mereka) kedua-duanya adalah merujuk kepada bentuk jamak.

#### Contoh 3:

<i>Tafsir Pimpinan Ar-Rahman</i> : 2001: 727	Surah al-Kahfi, Ayat 42
...lalu jadilah ia membalik-balikkan kedua <b>tapak tangannya</b> (kerana menyesal)	{... فَأَصْبَحَ يُقَلِّبُ كَفَّيْهِ}

terhadap segala perbelanjaan yang telah dibelanjakannya pada kebun-kebunya...	{ عَلَىٰ مَا أَنْفَقَ فِيهَا ... }
---	------------------------------------

Contoh 4:

<i>Tafsir Pimpinan Ar-Rahman</i> : 2001: 595	Surah Ibrahim, Ayat 4
Dan kami tidak mengutuskan seseorang Rasul melainkan dengan <b>bahasa kaumnya</b>	{ ... وما أرسلنا من رسول إلا لسان قومه }

Contoh 5:

<i>Tafsir Pimpinan Ar-Rahman</i> : 2001: 925	Surah al-Furqan, Ayat 27
Dan (ingatkanlah) perihal hari orang-orang yang zalim menggigit kedua-dua <b>tangannya</b> (marahkan dirinya sendiri)	{ ... ويوم يعض الظالم على يديه... }

Dalam tiga (3) ayat al-Quran contoh 3, contoh 4 dan contoh 5 di atas terdapat perkataan yang bersambung dengan kata ganti nama diri iaitu (كفيه), (لسان قومه) dan (يديه). (ه) adalah *dhamir gha'ib* (ضمير غائب) yang merujuk kepada bentuk tunggal. Abdullah Basmeih telah menterjemahkan ketiga-tiga kata ganti nama diri tunggal tersebut dengan (nya). Kaedah terjemahan ini adalah sepadan kerana (ه) dan (nya) adalah merujuk kepada bentuk tunggal.

**Bahagian 2:**

Dalam bahagian dua (2), penulis hanya mengemukakan beberapa contoh ayat al-Quran secara rawak dari *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman* yang menunjukkan wujudnya ketidaksepadanan dalam terjemahan kata ganti nama diri Arab ke Melayu. Kemudian penulis cuba membuat perbandingan dengan hasil terjemahan lain jika terdapat keseragaman dalam terjemahan tersebut.

Contoh 1:

<i>Tafsir Pimpinan Ar-Rahman</i> : 2001: 150	Surah Al-Imran, Ayat 118
Telahpun nyata (tanda) kebencian <b>mereka</b> pada pertuturan mulutnya,	{ قد بدت البغضاء من }

	{أفواههم}
--	-----------

Dalam ayat al-Quran di atas terdapat perkataan yang bersambung dengan kata ganti nama diri iaitu (أفواههم). (هم) adalah *dhamir gha'ib* (ضمير غائب) yang merujuk kepada bentuk jamak. Tetapi Abdullah Basmeih telah menterjemahkan kata ganti nama diri jamak tersebut dengan (mulutnya). Kaedah terjemahan ini adalah tidak sepadan kerana (هم) tidak seragam dengan kata ganti nama diri (nya) yang merujuk kepada bentuk tunggal. Sepatutnya ia diterjemah dengan (mulut mereka). Hasil terjemahan tersebut juga kelihatan wujudnya kejanggalan atau ketidakserasian hubungan antara perkataan (mereka) dengan (mulutnya) yang menjadikan keseluruhan wacana adalah tidak mantap.

Ini berbeza sama sekali dengan kaedah terjemahan Mahmud Yunus dalam Tafsir al-Quran Nul Karim Rasm Uthmani (2008: 87) yang telah menterjemahkan ayat al-Quran tersebut seperti berikut:

*“Sesungguhnya telah jelas (perkataan) kebencian dari mulut mereka”.*

Jelas di sini bahawa beliau telah menterjemahkan kata ganti nama diri jamak (هم) pada (أفواههم) dengan (mulut mereka). Kaedah terjemahan ini adalah sepadan kerana (هم) seragam dengan kata ganti nama diri (mereka) yang merujuk kepada bentuk jamak.

Contoh 2:

<i>Tafsir Pimpinan Ar-Rahman: 2001: 1571</i>	Surah Nuh, Ayat 7
mereka menyumbatkan <b>telinganya</b> dengan jari masing-masing,	{ جَعَلُوا أَصَابِعَهُمْ فِي أَدَانِهِمْ }

Dalam ayat al-Quran di atas terdapat dua (2) perkataan yang bersambung dengan kata ganti nama diri iaitu (أَصَابِعَهُمْ) dan (أَدَانِهِمْ). (هم) adalah *dhamir gha'ib* (ضمير غائب) yang merujuk kepada bentuk jamak.

Tetapi Abdullah Basmeih telah menterjemahkan kata ganti nama diri jamak (هم) pada (أَذَانَهُمْ) dengan (telinganya) yang merujuk kepada bentuk tunggal. Kaedah terjemahan ini adalah tidak tepat kerana (هم) tidak seragam dengan kata ganti nama diri (nya) yang merujuk kepada bentuk tunggal. Sepatutnya ia diterjemah dengan (telinga mereka). Walaupun demikian, penulis dapati Abdullah Basmeih cuba menonjolkan kelainan pada kaedah terjemahan perkataan kedua yang bersambung dengan kata ganti nama diri iaitu (أَذَانَهُمْ) dengan mengguna kaedah penanda penggantian tanpa mengulang kata ganti nama diri (mereka). Penanda penggantian iaitu (masing-masing) digunakan untuk menggantikan penggunaan kata ganti nama diri (mereka).

Contoh 3:

<i>Tafsir Pimpinan Ar-Rahman: 2001:</i> 258	Surah al-Maidah, Ayat 41
Wahai Rasul Allah! Janganlah engkau menanggung dukacita disebabkan orang-orang yang segera menceburkan diri dalam kekufuran, iaitu dari orang-orang yang berkata dengan <b>mulutnya</b> : “Kami telah beriman”, Padahal <b>hatinya</b> tidak beriman,...	{ يَا أَيُّهَا الرَّسُولُ لَا يَحْزَنكَ الَّذِينَ يَسَارِعُونَ فِي الْكُفْرِ مِنَ الَّذِينَ قَالُوا آمَنَّا بِأَفْوَاهِهِمْ وَلَمْ تُؤْمِنْ قُلُوبُهُمْ }

Contoh 4:

<i>Tafsir Pimpinan Ar-Rahman: 2001:</i> 445	Surah al-Taubah, Ayat 67
dan mereka pula menggenggam <b>tangannya</b> (bakhil kedekut)	{ وَيَقْبِضُونَ أَيْدِيَهُمْ }

Contoh 5:

<i>Tafsir Pimpinan Ar-Rahman: 2001:</i> 12	Surah al-Baqarah, Ayat 19
Mereka menyumbat <b>jarinya</b> ke dalam telinga masing-masing dari mendengar suara petir,	{ يَجْعَلُونَ أَصَابِعَهُمْ فِي آذَانِهِمْ مِنَ الصَّوَاعِقِ حُدُورَ الْمَوْتِ }

Contoh 6:

<i>Tafsir Pimpinan Ar-Rahman: 2001: 1089</i>	Surah Al-Sajadah, Ayat 12
Dan (sungguh ngeri) sekiranya engkau melihat ketika orang-orang yang berdosa itu menundukkan <b>kepalanya</b> di hadapan Tuhan mereka (dalam keadaan malu dan hina sambil merayu)...	{ولو ترى إذ الجرمون ناكسوا رءوسهم عند ربهم }

Dalam empat (4) ayat al-Quran contoh 3, contoh 4, contoh 5 dan contoh 6 di atas terdapat lima (5) perkataan yang bersambung dengan kata ganti nama diri iaitu (أفواههم) dan (قلوبهم), (أيديهم), (أصابعهم) dan (رءوسهم). (هم) adalah *dhamir gha'ib* (ضمير غائب) yang merujuk kepada bentuk jamak. Tetapi Abdullah Basmeih telah menterjemahkan lima (5) kata ganti nama diri jamak tersebut dengan (mulutnya) dan (hatinya), (tangannya), (jarinya) dan (kepalanya) yang merujuk kepada bentuk tunggal. Kaedah terjemahan ini adalah tidak tepat kerana (هم) tidak seragam dengan kata ganti nama diri (nya) yang merujuk kepada bentuk tunggal. Sepatutnya ia diterjemah dengan (mulut mereka) dan (hati mereka), (tangan mereka), (jari mereka) dan (kepala mereka).

Contoh 7:

<i>Tafsir Pimpinan Ar-Rahman: 2001: 257</i>	Surah al-Maaidah, Ayat 38
Dan orang lelaki yang mencuri dan orang perempuan yang mencuri maka (hukumnya) potonglah <b>tangan mereka</b> sebagai satu balasan dengan sebab apa yang mereka telah usahakan, (juga sebagai) suatu hukuman pencegah dari Allah.	{والسارق والسارقة فاقطعوا أيديهما.. }

Dalam ayat al-Quran di atas terdapat perkataan yang bersambung dengan kata ganti nama diri iaitu (أيديهما). (هما) adalah *dhamir gha'ib* (ضمير غائب) yang merujuk kepada bilangan dua (2) orang sedangkan struktur sintaksis Melayu tidak memberi penekanan

kepada unsur bilangan. Abdullah Basmeih telah menterjemahkan kata ganti nama diri tersebut dengan (tangan mereka). Kaedah terjemahan ini adalah kurang tepat kerana (هما) tidak seragam dengan kata ganti nama diri (mereka) yang merujuk kepada bentuk jamak atau lebih daripada dua (2).

Ini berbeza sama sekali dengan kaedah terjemahan Mahmud Yunus dalam Tafsir al-Quran Nul Karim Rasm Uthmani (2008: 154) yang telah menterjemahkan ayat al-Quran tersebut seperti berikut:

*“Dan lelaki yang mencuri dan perempuan yang mencuri, hendaklah dipotong tangan keduanya, sebagai balasan.....”.*

Jelas di sini bahawa beliau telah menterjemahkan kata ganti nama diri (هما) pada (أيديهما) dengan (tangan keduanya) supaya unsur bilangan dua (2) orang berlainan jantina dalam teks sumber dapat disampaikan dengan lebih jelas kepada pembaca sasaran.

Contoh 8:

<p><i>Tafsir Pimpinan Ar-Rahman: 2001: 437</i>                  Kalau kamu tidak menolongnya (Nabi Muhammad) maka sesungguhnya Allah telahpun menolongnya, iaitu ketika kaum kafir (di Mekah) mengeluarkannya (dari negerinya Mekah) sedang ia salah seorang dari dua (sahabat) semasa <b>mereka</b> berlindung di dalam gua...</p>	<p>Surah at-Taubah, Ayat 40                  {إلا تنصروه فقد نصره الله إذ                  أخرجهم الذين كفروا ثاني اثنين إذ                  هما في الغار ...}</p>
---	--

Dalam ayat al-Quran di atas terdapat *dhamir munfasil* (ضمير منفصل) iaitu (هما) yang merujuk kepada bilangan dua (2) orang. Struktur sintaksis Melayu tidak memberi penekanan kepada unsur bilangan. Abdullah Basmeih telah menterjemahkan kata ganti nama diri tersebut dengan (mereka). Kaedah terjemahan ini adalah kurang tepat kerana (هما) tidak seragam dengan kata ganti nama diri (mereka) yang merujuk kepada bentuk jamak. Sepatutnya ia boleh diterjemah dengan (mereka

berdua) supaya unsur bilangan dua (2) orang dalam teks sumber dapat disampaikan dengan lebih jelas kepada pembaca sasaran.

Contoh 9:

<i>Tafsir Pimpinan Ar-Rahman: 2001: 425</i>	Surah al-Taubah, Ayat 1
(Ini adalah) pemutusan tanggungjawab (pembatalan perjanjian) dari Allah dan RasulNya terhadap kaum kafir musyrik yang <b>kamu</b> mengikat perjanjian setia (dengan mereka).	{براءة من الله ورسوله إلى الذين عاهدتم من المشركين}

Dalam ayat al-Quran di atas terdapat perkataan yang bersambung dengan kata ganti nama diri iaitu (عاهدتم). (تم) adalah *dhamir mukhatab* (ضمير مخاطب) yang merujuk kepada bentuk jamak. Tetapi Abdullah Basmeih telah menterjemahkan kata ganti nama diri jamak tersebut dengan (kamu). Kaedah terjemahan ini adalah tidak tepat kerana (تم) tidak seragam dengan kata ganti nama diri (kamu) yang merujuk kepada bentuk tunggal. Sepatutnya ia diterjemah dengan (kamu semua).

Contoh 10:

<i>Tafsir Pimpinan Ar-Rahman: 2001: 461</i>	Surah al-Taubah, Ayat 116
Sesungguhnya Allah jualah yang menguasai segala alam langit dan bumi; Ia menghidupkan dan mematikan; dan tidaklah ada bagi <b>kamu</b> selain dari Allah sesiapa pun yang menjadi pelindung, dan juga yang menjadi penolong.	{إن الله له ملك السموات والأرض يحيي ويميت وما لكم من دون الله من ولي ولا نصير}

Dalam ayat al-Quran di atas terdapat partikel atau *huruf* yang bersambung dengan kata ganti nama diri iaitu (لكم). (كم) adalah *dhamir mukhatab* (ضمير مخاطب) yang merujuk kepada bentuk jamak. Tetapi Abdullah Basmeih telah menterjemahkan kata ganti nama diri jamak tersebut dengan (kamu). Kaedah terjemahan ini adalah tidak tepat kerana (كم) tidak seragam dengan kata ganti nama diri (kamu) yang

merujuk kepada bentuk tunggal. Sepatutnya ia diterjemah dengan (kamu semua).

## RUMUSAN

Berdasarkan 15 contoh ayat al-Quran yang dikaji, kajian ini mendapati bahawa terdapat kesalahan atau ketidakseragaman dalam menterjemah kata ganti nama Arab ke bahasa Melayu dalam *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman* yang menyebabkan tidak wujud ketenunan atau kohesi dalam teks, selain menghasilkan wacana yang tidak mantap. Oleh itu, dalam usaha memastikan wujudnya ketenunan teks terjemahan dan mesej al-Quran dapat disampaikan dengan lebih jelas, disarankan agar ada semakan terhadap cetakan-cetakan terkini terjemahan al-Quran demi penambahbaikan terhadap hasil terjemahan tersebut.

## RUJUKAN

- Abdullah Basmeih. (2001). *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian al-Quran*. Cetakan 12. Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Al-Rajih, Abduh. (1988). *Al-Tatbiq al-Nahwi*. Beirut: Dar al-Nahdhah al-Arabiyyah.
- Anon. (2007). *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. edisi keempat.
- Asmah Omar. (2014). *Nahu Melayu Mutakhir*. Edisi ke-5. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan. (2007). *Santun Berbahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- De Beaugrande, Robert. (2007). *Al-Nas wa al-Khitab wa al-Ijra'*. Translated by Tammam Hassan. Kaherah: Alam al-Kutub.
- De Beaugrande, Robert. And Dressler, Wolfgang. (1999). *Madkhal Ila 'Ilmi Lughah al-Nas*. Translated by Ilham Abu Ghazalah & Ali Khalil Hamaad. Al-Haiyah al-Misriyyah al-'Amah li al-Kitab.
- De Beaugrande, Robert. And Dressler, Wolfgang.(1981). *Introduction to Text Linguistics*. London: Longman.

- Ghalayini, Mustafa. (1987). *Jami' al-Durus al-Arabiyyah*. Cetakan 21. Beirut: al-Maktabah al-'Asriyyah.
- Halliday, M. A. K. dan Ruqaiya Hasan. (1983). *Cohesion in English*. London: Longman.
- Ismail Yusoff. (1995). Perkembangan Penulisan Dan Terjemahan Kitab-kitab Tafsir di Malaysia. *Islamiyyat*, Vol. 16.. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mahmud Yunus. (2008). *Tafsir al-Quran Nul Karim Rasm Uthmani*. Klang Book Centre.
- Mohd. Hilmi Abdullah. (2008). *Teori & Kaedah Penterjemahan Arab-Melayu*. Cetakan Pertama. Kota Bharu: Pustaka Hilmi.
- Muhammad Bukhari Lubis, Mohd. Fauzi Jumingan & Khairunnawa Mohamed. (1998). *Penerjemahan Arab Melayu Arab Peraturan & Dasar*. Cetakan Pertama. Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Musa & Abdul Hamid Mahmood. (2006). *Tatabahasa Dewan*. Cetakan 11. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim. (1981). *Beberapa Persoalan Sociolinguistik Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wahbah, Majdi & al-Muhandis, Kamil. (1984). *Mu'jam al-Musthalahaat al-Arabiyyah fi al-Lughah wa al-Adab*. Beirut: Maktabah Lubnan. Cetakan Kedua.

**BIOGRAFI**

Nama : Nasimah bt. Haji Abdullah

Universiti : Doktor Falsafah (Pengajian Linguistik Arab), UIAM,  
Sarjana (Pengajaran Bahasa Arab Sebagai Bahasa Kedua), UIAM,  
Sarjana Muda (Sains Kemanusiaan Dalam Bahasa dan Sastera Arab),  
UIAM.

E-mel : [nasimah@kuis.edu.my](mailto:nasimah@kuis.edu.my)

Jawatan : Pensyarah Kanan Jabatan Pengajian Bahasa &  
Linguistik Arab, Akademi Islam Kolej Universiti Islam Antarabangsa  
Selangor.

Alamat pos : Akademi Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa  
Selangor

Tel : 03-89254251 (pejabat) sambungan: 3538, 012-9837495  
(telefon bimbit)